



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54

30hb Ogos 2001

TAMBAHAN No. 9

No. 18

PERUNDANGAN

Sel. P.U. 27.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG AJARAN ZAMREE BIN AB. WAHAB

En. 2/1989.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON THE TEACHING OF ZAMREE BIN AB. WAHAB

En. 2/1989.

IN exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989, the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

- (1) Ajaran Zamree bin Ab. Wahab adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Ini adalah kerana ajaran tersebut didapati:
 - (a) mendakwa boleh menunaikan Haji hanya dengan mengerjakannya di Sungai Congkak, Hulu Langat sahaja;
 - (b) mendakwa dirinya sebagai Rasulullah;

- (c) menukar nama pengikutnya dengan nama sahabat-sahabat bagi lelaki dan dengan nama isteri-isteri Nabi bagi pengikut wanita; dan
- (d) mengamalkan nikah batin dengan 6 orang termasuk pelajar dan seorang pegawainya.

Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

- (2) Orang yang telah mengambil ijazah atau mengamalkan Ajaran Zamree bin Ab. Wahab hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'alla.

Dibuat pada 22 Mei 2001.

Made the 22 May 2001.

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor